



SIARAN AKHBAR

PROGRAM LAWATAN KERJA MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KE TAPAK-TAPAK KILANG HILIRAN PERKAYUAN

Sabtu, 5 Rejab 1441H bersamaan 29 Februari 2020

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong telah membuat lawatan ke dua buah kilang hiliran perkayuan iaitu Syarikat Kenwood Furniture Trading Company dan Syarikat Metrod Sendirian Berhad pada 29hb Februari 2020 bagi melihat dengan lebih dekat perkembangan Industri Hiliran Perkayuan khususnya di dalam pembuatan perabot dan juga pintu disamping mengenal pasti isu-isu yang dihadapi di dalam memajukan perusahaan dan hasil keluaran syarikat.

Hadir sama semasa lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di KSSUP, Awang Haji Abdul Halidi bin Haji Mohd Salleh dan Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, dan Pemangku Pengarah Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim. Juga hadir para pegawai kanan dan pegawai serta kakitangan KSSUP dan Jabatan Perhutanan.

Lawatan kerja ini didahului dengan lawatan ke Syarikat Kenwood Furniture Trading Company di Jalan Bengkurong Masin, Daerah Brunei dan Muara. Dalam sesi lawatan pertama ini, Yang Berhormat Dato telah dibawa melihat ke sekitar kilang untuk melihat pemprosesan perkayuan dan juga teknologi yang terlibat dalam pembuatan perabot kayu khususnya dalam pembuatan kabinet. Yang Berhormat Dato kemudiannya dibawa melawat bilik pameran bagi melihat produk-produk yang telah siap dan seterusnya mendengarkan penerangan yang disampaikan oleh pihak syarikat mengenai hala tuju syarikat, projek-projek yang dilaksanakan dan pencapaian-pencapaian syarikat.

Antara produk-produk yang dihasilkan oleh syarikat ini ialah perabot perkayuan, komponen perabot, pintu dan bingkai pintu, *customized wooden cabinet* dan ukiran-ukiran kayu. Syarikat ini mempunyai pekerja seramai 70 orang dan 8 daripadanya adalah pekerja tempatan termasuk pereka (*designer*) syarikat.

Pada sesi lawatan seterusnya, Yang Berhormat Dato membuat lawatan ke Syarikat Metrod Sendirian Berhad bertempat di Tapak Perindustrian Kampung Salar. Syarikat ini menghasilkan pelbagai jenis pintu kayu yang diperbuat 100% daripada kayu tempatan yang berkualiti tinggi. Syarikat ini juga berupaya membuat pintu kalis api yang berkualiti dengan penggunaan teknologi terkini mengikut piawaian yang digunakan oleh antarabangsa.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Dato telah dibawa melihat ke sekitar kilang untuk melihat dengan lebih dekat proses penghasilan pintu. Pihak syarikat juga menerangkan berkenaan inisiatif-inisiatif dalam memajukan syarikat tersebut yang sedang dan masih dalam perancangan untuk dilaksanakan. Syarikat tersebut mempunyai seramai 22 orang pekerja yang mana pekerja-pekerja pejabat, iaitu seramai 5 orang adalah terdiri daripada pekerja tempatan.

Jabatan Perhutanan pada masa ini akan terus memberikan tumpuan kepada Industri Hiliran Perkayuan untuk dapat meningkatkan sumbangan Sektor Perhutanan kepada ekonomi Negara. Ini adalah melihat kepada permintaan tempatan yang masih berterusan ke atas produk-produk perkayuan hiliran seperti pintu, perabot dan komponen-komponen kayu yang lain yang mana kebanyakannya produk-produk perkayuan tersebut adalah diimport daripada luar Negara. Sehubungan itu, Jabatan juga menyarankan kepada syarikat-syarikat perkilangan papan di Negara ini untuk berkecimpung di dalam industri ini memandangkan kayu-kayu papan pada masa ini mempunyai pasaran yang terhad dengan permintaan yang berkurangan.



Gambar-Gambar Lawatan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ke Syarikat Kenwood Furniture Trading Company



Bergambar ramai bersama Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



Yang Berhormat Dato dibawa melihat ke sekitar kilang untuk melihat aktiviti-aktiviti pemprosesan perkayuan.



Yang Berhormat Dato' dibawa melawat ke bilik pameran.



Taklimat ringkas mengenai Syarikat disampaikan oleh pihak Syarikat Kenwood Furniture Trading Company.



Pihak Syarikat memberikan penerangan mengenai ‘software’ yang digunakan oleh Syarikat untuk mereka bentuk produk perkayuan

Gambar-Gambar Lawatan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ke Syarikat Metrod Sendirian Berhad



Bergambar ramai bersama Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



Yang Berhormat Dato dibawa melihat ke sekitar kilang untuk melihat aktiviti-aktiviti pemprosesan perkayuan.



Yang Berhormat Dato dibawa melihat pelbagai jenis produk-produk pintu yang dihasilkan oleh syarikat.



Pintu kalis api yang dihasilkan oleh Syarikat.